

**Usaha Pembangkang Tidak Halang Felda Terus Majukan Negara, Kata Isa Bernama  
17 Ogos, 2011**

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Usaha pihak pembangkang yang mempolitikkan peranan Felda terutama menjelang pilihan raya umum akan datang tidak mampu menghalang agensi itu untuk terus mengembangkan operasinya bagi kemajuan masyarakat Felda dan negara.

Pengerusi Felda Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad berkata taktik pihak pembangkang itu merupakan cara yang telah dilakukan sejak dari dahulu terutamanya ketika pilihan raya makin hampir.

"Mereka menimbulkan isu Felda agar termakan oleh peneroka dengan harapan kepercayaan peneroka kepada kerajaan akan terhakis. Itu sahaja matlamat mereka kerana mereka tahu Felda ini merupakan kubu kuat Barisan Nasional sejak dahulu lagi," katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa dengan petugas Felda di sini.

Semasa diminta mengulas isu Felda yang dibangkitkan pembangkang, Mohd Isa berkata: "Bagi kami yang menguruskan Felda ini, kami semua berfikir untuk memajukan Felda, mereka (pembangkang) pula fikir untuk politik.

"Kami fikir bagaimana Felda itu boleh membesar, masyarakat Felda itu boleh berjaya dan menerima faedah yang sepatutnya manakala mereka (pembangkang) pula fikir apa yang boleh menimbulkan kebencian. Itu adalah dua perkara yang berlainan," katanya

-- BERNAMA

2011 Hakcipta BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=608861>